

16 JAN 2002

Khair-Pasar

SELANGOR WUJUDKAN PASAR TERBUKA 24 JAM DI BANDAR-BANDAR BESAR

SHAH ALAM, 16 Jan (Bernama) -- Kerajaan negeri akan memperkenalkan konsep pasar terbuka 24 jam di bandar-bandar negeri ini bagi membuka lebih banyak peluang perniagaan kepada penduduknya serta mencegah kegiatan orang tengah, kata Menteri Besar Datuk Seri Dr Mohamed Khir Toyo.

Beliau berkata di bawah konsep itu, yang pertama seumpamanya diperkenalkan di Malaysia, orang ramai berpeluang menjual pelbagai barangan keperluan, makanan, minuman dan kraftangan di satu kawasan tetap dan berbumbung.

Katanya konsep perniagaan itu adalah berupa "pasar malam moden" yang dijalankan secara tersusun selama 24 jam.

"Di bawah konsep ini, kita akan hadkan masa perniagaan untuk setiap peniaga supaya lebih ramai dapat berniaga dan peniaga hanya perlu bayar sedikit sahaja untuk kerja penyenggaraan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Exco di sini, hari ini.

Dr Mohamed Khir berkata sebagai permulaan, pasar terbuka itu akan diperkenalkan di Shah Alam dan jika mendapat sambutan, ia akan diperluaskan ke bandar-bandar lain seperti Petaling Jaya dan Klang.

Beliau berkata Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Selangor (PKPS) dipertanggungjawabkan melaksanakan konsep itu di kawasan seluas 0.4 hektar yang dijangka siap tidak lama lagi.

Menurutnya pasar terbuka itu juga akan dihiasi dengan lampu berwarna warni dan menyediakan aktiviti lain sebagai daya tarikan pelancong tempatan dan asing.

Selain itu, pasar terbuka itu juga boleh digunakan sebagai tempat pameran produk yang hendak dipromosikan para peniaga dan usahawan.

Ketika diminta mengulas saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya membina gerai-gerai penjaja secara tetap, Dr Mohamed Khir berkata kerajaan negeri sudah lama melaksanakannya malah sedang menambah bilangan gerai-gerai sedia ada di semua majlis perbandaran dan daerah.

Menurutnya dalam perancangan pembangunan daerah di Selangor, setiap kawasan perumahan akan disediakan gerai-gerai tetap mengikut kepadatan penduduk serta mengehadkan jenis perniagaan bagi tujuan mengurangkan persaingan.

Beliau berkata Kerajaan Negeri tidak menggalakkan kewujudan gerai-gerai tepai jalan dan akan bertindak tegas terhadap mereka yang membinanya.

-- BERNAMA

KM NAK